

Banjir kedua dalam 10 hari

Empat kampung di Balik Pulau ditenggelami air selepas hujan lebat lebih tiga jam

BALIK PULAU - Hujan lebat lebih tiga jam di sekitar kawasan Balik Pulau pagi semalam menyebabkan beberapa kampung di sini ditenggelami air.

Antara kampung yang terlibat ialah Kampung Genting, Pulau Betong, Kampung Terang dan Kampung Sungai Burung.

Disebabkan keadaan cuaca yang tidak menentu kebelakangan ini menyebabkan penduduk di kawasan terbabit tidak senang duduk memikirkan nasib yang bakal mereka hadapi disebabkan banjir.

Penduduk, Daharah Bakar, 61, berkata, tidurnya tidak lena sekiranya hujan lebat kerana bimbang rumahnya dimasuki air lagi.

Menurutnya, banjir kilat yang berlaku pagi semalam adalah kejadian kedua dalam tempoh 10 hari.

"Letih bila terpaksa berdepan dengan masalah banjir, tidur kami pun tak lena memikirkan air banjir yang akan masuk ke dalam rumah nanti.

"Penat mengalih barang ketika banjir kilat minggu lalu tak hilang lagi dan hari ini (semalam) kami terpaksa angkat semula perabot dan barang-barang lain ke tempat tinggi," katanya.

Daharah berkata, dia bernasib baik kerana jirannya turut sama membantu untuk menyelamatkan barang di rumahnya dan membersihkan kawasan rumah yang dipenuhi lumpur.

Katanya, walaupun rumahnya di-



Abdul Halim Awang, 32, dan ibunya, Daharah membawa barang-barang rumahnya ke tempat selamat setelah rumah mereka ditenggelami air.

tenggelami air namun, dia reda dan menerima segala dugaan itu dengan tenang.

"Keluarga saya tinggal di kampung ini sejak 1980 dan paras air yang naik setiap kali banjir kilat sekarang tidak seteruk dahulu," katanya.

Selain banjir kilat, sebatang pokok turut tumbang merintang jalan dalam kawasan kampung berkenaan.

Sementara itu, jurucakap bomba dan penyelamat berkata, empat kampung di kawasan Balik Pulau terjejas akibat banjir kilat mem-babitkan lebih 20 penghuni.

"Bagaimanapun, paras air yang naik di semua kampung terbabit masih terkawal dan setakat ini tiada penduduk yang diarahkan berpindah," katanya.